

29 AUG 2000

Mahathir-Globalisasi/I

MAHATHIR SARAN ANJUR FORUM TERJEMAH MAKNA GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini masyarakat antarabangsa seharusnya mengadakan forum untuk membincangkan mengenai pengertian globalisasi.

Beliau berkata, sehubungan itu, semua negara, tidak kira kaya atau miskin harus terlibat dalam menterjemah pengertian dan makna globalisasi.

Sehingga kini, tiada forum seumpama itu diadakan untuk membincangkan isu terbabit walaupun orang ramai telahpun dimaklumkan mengenai kedatangan globalisasi, katanya semasa sesi soal jawab pada persidangan Bank-bank Dunia, di sini, hari ini.

Sekarang, Dr Mahathir berkata, penekanan bagi globalisasi adalah "pergerakan bebas modal dan pelaburan."

Bagaimanapun, terjemahan ini adalah daripada sebelah pihak sahaja kerana ia mencerminkan negara kaya yang datang ke negara miskin, katanya.

Dan oleh kerana terjemahan itu diilhamkan oleh negara kaya, ia dibentuk sedemikian rupa hanya memberi manfaat kepada mereka, kata Dr Mahathir.

Justeru, Dr Mahathir berkata semua pihak harus terlibat dalam menterjemah makna dan pengertian globalisasi.

Beliau menyarankan isu tersebut dibincangkan secara berhikmah dengan mengambil kira kekuatan dan kelemahan semua negara.

Dr Mahathir berkata negara miskin tidak mampu bersaing dalam industri berteknologi tinggi atau melabur dalam sektor tersebut tetapi mereka boleh berkongsi kemahiran dan pengetahuan daripada negara-negara kaya.

Pada sesi tersebut, Perdana Menteri juga ditanya mengenai keperluan menarik pelaburan asing.

Beliau menjawab, pada awalnya, ia memang diperlukan untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia tetapi sekarang, apa yang penting adalah menaikkan taraf pekerja-pekerja Malaysia bagi menghasilkan barangan nilai ditambah.

Dan ia adalah antara punca utama kepada pembentukan Koridor Raya Multimedia (MSC), untuk melatih orang ramai menghasilkan produk nilai ditambah seumpama itu, katanya.

Beliau berkata mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara (NITC) semalam menunjukkan ia telah melepasi sasaran untuk mendapatkan 50 syarikat bertaraf dunia bagi MSC menjelang tahun 2003.

Setakat ini ia telahpun mempunyai 37 syarikat.

MSC juga mensasarkan untuk mendapat 500 syarikat kecil dan sederhana untuk ditempatkan di koridor tersebut menjelang 2003.

Ketika ini, ia telahpun mempunyai 370 syarikat seumpama itu, kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

SHO FR ZK OS